

Pembinaan Garis Panduan Penyoalan dalam Drama berasaskan Teori Anderson

The construction of questioning guidelines in drama based on Anderson's Theory

Nor Asyfaa binti Mansor* & Hasrina Baharum

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: asyfaa1996@gmail.com

Received: 10 June 2025; **Revisions:** 20 Aug 2025; **Accepted:** 27 Aug 2025; **Published:** 29 Aug 2025

To cite this article (APA): Mansor, N. A. ., & Baharum, H. (2025). Pembinaan garis panduan penyoalan dalam drama berasaskan Teori Anderson. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 11(2), 106-119. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.2.9.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.2.9.2025>

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama Berasaskan Kepada Teori Anderson. Kajian ini dibina kerana terdapat beberapa masalah dalam kalangan guru Kesusasteraan Melayu dalam membina soalan-soalan berlainan aras kepada murid-murid. Manakala, subjek tumpuan adalah memfokuskan kepada drama bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana penerimaan murid bagi subjek drama adalah berlainan bagi setiap murid. Kajian ini mempunyai dua objektif, pertama, menganalisis keperluan pembinaan garis panduan penyoalan dalam drama. Kedua, mereka bentuk dan membangunkan garis panduan penyoalan dalam drama menggunakan teori Anderson. Selain itu, metodologi kajian ini menggunakan model ADDIE sebagai panduan dalam merangka proses pembinaan penyoalan, namun begitu dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan proses ADDIE ini sehingga fasa pembangunan sahaja. Manakala, teori kognitif yang digunakan adalah teori Lorin Anderson dan Krathwohl (2001). Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan, manakala bilangan sampel kajian yang akan digunakan adalah tiga orang guru Kesusasteraan Melayu untuk menjawab soalan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan terdapat keperluan dalam membangunkan garis panduan ini iaitu keperluan penyoalan untuk menilai kefahaman murid, merangsang minat murid dan juga melancarkan pengajaran dan pembelajaran guru. Oleh itu, pengkaji telah mereka bentuk dan membangunkan garis panduan ini mengikut beberapa proses yang telah dikenal pasti dalam bahagian dapatan kajian dan pembangunan kajian ini. Garis panduan ini dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran guru dalam kelas serta garis panduan ini juga mampu membantu guru-guru Kesusasteraan Melayu khususnya kepada guru-guru yang baharu.

Kata kunci: Garis panduan, penyoalan, drama, Teori Anderson, Kesusasteraan Melayu, ADDIE, Lorin Anderson dan Krathwohl (2001)

ABSTRACT

This study focuses on the Development of Questioning Guidelines in Drama Based on Anderson's Theory. This research was conducted due to several issues faced by Malay Literature teachers in constructing questions of varying cognitive levels for their students. The main subject of focus is drama within the Malay Literature curriculum. This is because students' reception of drama as a subject varies from one student to another. This study has two objectives; first, to analyze the need for developing questioning guidelines in drama, second is to design and develop these questioning guidelines using Anderson's Theory. In addition, the methodology of this study employs the ADDIE model as a framework for designing the questioning process. However, in this study, the researcher only applied the ADDIE process up to the development phase. The cognitive theory used is the theory by Lorin Anderson and Krathwohl (2001). The sampling method used in this research is purposive sampling, with three Malay Literature teachers selected as participants to answer interview questions. The

findings indicate a clear need for the development of these guidelines — namely, the need for questioning to assess students' understanding, to stimulate students' interest, and to facilitate effective teaching and learning. Therefore, the researcher has designed and developed the guidelines based on several processes identified in the findings and development sections of this study. These guidelines aim to ease the teaching and learning process in the classroom and are particularly helpful for Malay Literature teachers, especially those who are new to the field.

Keyword: *Guidelines, questioning, drama, Anderson's Theory, Malay Literature, ADDIE, Lorin Anderson and Krathwohl (2001)*

PENGENALAN

Pendidikan merupakan asas kepada pembangunan negara. Pendidikan yang berkualiti dan ditadbir dengan baik mampu meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran rakyat sesebuah negara juga dapat menentukan kemajuan dan kekuatan negara itu. Menurut Hassan, Rosli, dan Zakaria (2016) dengan melihat secara terperinci Falsafah Pendidikan Kebangsaan di Malaysia adalah mengutamakan pendidikan yang memberikan fokus secara menyeluruh dan seimbang kepada perkembangan JERIS, iaitu jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial, serta mampu bersaing di arena dunia (Kurikulum Sekolah Standard Rendah, 2011).

Selain itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menegaskan bahawa pendidikan adalah penting untuk meningkatkan aspek moral, sosial dan emosi selain meningkatkan aspek intelektual melalui peningkatan daya berfikir. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), matlamat kurikulum adalah untuk meningkatkan kemahiran kognitif murid dan meningkatkan keupayaan mereka untuk menghuraikan, mencerakinkan, menaakul, merumuskan dan menghasilkan konsep kreatif. Site Hadijah (2017) menyatakan bahawa institusi pendidikan mesti mencapai objektif pendidikan ini. Terutamanya, mereka perlu memastikan guru memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Mereka juga perlu memasukkan amalan pedagogi baharu yang sesuai dengan perkembangan abad kedua puluh satu. Mereka juga harus memprioritaskan kemahiran berfikir untuk murid di semua disiplin ilmu. Kejayaan bergantung kepada kemahiran berfikir guru dan murid, terutamanya KBAT.

Oleh itu, salah satu cara guru menyampaikan pelajaran kepada murid ialah dengan menggunakan soalan. Soalan yang berkesan boleh meningkatkan PdP dalam kelas. Sebagai individu yang bertanggungjawab untuk mengajar dan membimbing murid mereka di dalam bilik darjah, guru mesti melakukan anjakan paradigma mengenai pedagogi yang digunakan. Untuk mencapai matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia, guru mesti mengimbangi kandungan pengetahuan atau ilmu dan kemudiannya menggabungkannya dengan kemahiran lain dalam bidang pedagogi.

Misalnya, komponen kemahiran penyoalan di dalam bilik darjah. Komponen ini dianggap sebagai teknik terpenting dan tidak boleh dipandang ringan oleh guru di sekolah. Kegagalan dalam mengajar teknik penyoalan akan menyebabkan murid gagal untuk meningkatkan pemikiran kreatif mereka. Ini akan menyebabkan kemahiran berfikir dan elemen penyoalan tidak digunakan dalam PdP. Terdapat tiga prinsip, menurut Syafiq Mah Hasan (2019), yang boleh digunakan sebagai garis panduan untuk melaksanakan kemahiran penyoalan dengan berkesan oleh guru. Prinsip pembentukan soalan, prinsip teknik mengemukakan soalan, dan prinsip penerimaan jawapan adalah tiga prinsip penting yang perlu difahami oleh guru. Prinsip-prinsip ini perlulah dihayati dan difahami oleh semua guru dalam mendidik murid. Oleh itu, sudah semestinya satu panduan atau ketetapan yang khusus mengenai kaedah penyoalan ini perlu diberikan perhatian daripada semua guru. Bahkan, guru juga akan memerlukan satu garis panduan mengenai penyoalan dan boleh dijadikan sebagai panduan untuk melakukan proses penyoalan dengan lebih berkesan. Hal ini kerana garis panduan penyoalan akan membantu melancarkan PdP dan akan memudahkan proses komunikasi antara guru dengan murid.

PERNYATAAN MASALAH

Ketiadaan garis panduan khusus untuk kemahiran penyoalan menyebabkan guru tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang cara menggunakan kemahiran penyoalan dengan berkesan untuk memulakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Perkara ini turut disokong oleh pengkaji lepas seperti Natrah Mohamad, Jamil Ahmad dan Kamisah Osman pada tahun 2019 dalam kajian mereka iaitu "Latihan dalam Perkhidmatan sebagai Medium untuk Meningkatkan Tahap Tingkah Laku Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Sains," menyatakan bahawa guru tidak menerima latihan atau kursus yang berkaitan dengan kemahiran penyoalan semasa latihan pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan. Oleh itu, guru kurang mempunyai pendedahan yang cukup mengenai kaedah pengajaran dan pedagogi yang berkaitan dengan kemahiran soal selidik ini (Hashim, 2003). Hal ini menyebabkan guru kurang berkemahiran dalam mengaplikasikan soalan-soalan berbentuk KBAT kepada murid.

Seterusnya, terdapat kajian juga membuktikan bahawa kemahiran penyoalan menggunakan soalan tertutup di dalam bilik darjah kurang berkesan berbanding menggunakan soalan jenis terbuka yang mampu membantu merangsang tahap kognitif murid. Kajian 2019 oleh Natrah Mohamad, Jamil Ahmad, dan Kamisah Osman menyokong kenyataan ini. Kajian ini menjelaskan bahawa, berbanding dengan kategori soalan terbuka, majoriti guru menggunakan kategori soalan tertutup (Albergaria-Almeida 2010; Lee & Kinzie 2012; Rido 2017). Selain itu, guru lebih kerap menggunakan tiga aras rendah taksonomi Bloom berbanding tiga aras tinggi iaitu menilai, menganalisis dan mencipta (Diaz et al. 2013).

Kajian lepas menunjukkan bahawa komponen soalan ini amat penting dan perlu diambil kira oleh semua guru kerana ia membolehkan komunikasi dua hala dan memberi guru peluang kepada murid mereka untuk mencipta idea baharu berdasarkan asas pemikiran mereka sendiri. Selain itu, kajian lepas oleh Arshad Jais, Noraffandy Yahaya, Nor Hasniza Ibrahim dan Mohamd Noor Hasan (2014) mendapati bahawa guru harus mengetahui bahawa soalan yang bersifat terbuka adalah soalan yang berkualiti tinggi yang boleh merangsang pemikiran pelajar dan menggalakkan mereka untuk berkongsi pendapat mereka. Walau bagaimanapun, guru lebih kerap menggunakan soalan tertutup berbanding soalan terbuka (Lee Youngju, 2010).

Secara tuntasnya, belum terdapat mana-mana pengkaji sebelum ini melakukan penyelidikan yang berkaitan dengan "Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Drama Berasaskan Teori Anderson" untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini dapat dibuktikan daripada sorotan-sorotan kajian yang telah dibuat tidak mempunyai kajian garis panduan penyoalan yang khusus atau kajian mengenai penyoalan dalam drama yang dilakukan oleh mana-mana pengkaji lepas untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan pembinaan garis panduan penyoalan dalam drama, mereka bentuk dan membangunkan garis panduan penyoalan dalam drama berasaskan teori Anderson.

METODOLOGI

Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan kerangka model ADDIE sebagai model kajian bagi kajian ini. pengkaji akan menggunakan model ADDIE (Rossett, 1987) untuk membina garis panduan penyoalan dalam drama berasaskan Teori Anderson. Model ADDIE akan dijadikan sebagai panduan yang akan memandu penyelidik sehingga kajian ini berjaya di lakukan. Tujuan model ini adalah untuk membuat rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran supaya penyampaian pengajaran menjadi lebih efisien dan efektif. Analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian adalah lima peringkat yang membentuk model pengajaran ADDIE. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan menumpukan sehingga fasa ketiga sahaja iaitu; analisis, reka bentuk dan pembangunan. Manakala, teori kajian ini adalah menggunakan teori Anderson (2001) iaitu teori taksonomi Bloom yang diubah semula orang anak didiknya iaitu daripada Lorin W. Anderson. Teori ini digunakan untuk sebagai panduan untuk penyelidik membina soalan berdasarkan aras-aras dalam taksonomi tersebut.

DAPATAN KAJIAN

A. Keperluan Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama

Berdasarkan hasil temu bual yang telah dijalankan kepada tiga orang guru cemerlang Kesusasteraan Melayu mendapati terdapat keperluan pembinaan garis panduan penyoalan dalam drama berasaskan teori Anderson ini. Antaranya, keperluan garis panduan penyoalan ini dapat menilai tahap kefahaman murid terhadap kandungan pembelajaran, Hal ini dikatakan sedemikian kerana melalui penyoalan yang berkesan guru dapat mengetahui tahap penerimaan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Tambahan pula, penyoalan ini juga dapat membantu guru untuk mentafsir murid setelah selesai PdP di dalam kelas. Ini kerana sesuatu pentaksiran yang dilakukan sama ada formatif atau sumatif mempunyai proses-prosesnya yang tersendiri termasuklah menggunakan kaedah penyoalan kepada murid.

Oleh itu, guru perlulah memikirkan cara untuk memberikan soalan yang sesuai iaitu selari dengan keperluan aras berfikir seorang murid di dalam kelas masing-masing. Kegagalan guru memberikan soalan mengikut aras kemampuan murid untuk berfikir akan menyebabkan murid tidak dapat memberikan jawapan yang selari dengan kehendak yang diperlukan oleh guru. Hal ini akan menyebabkan objektif guru dan proses pembelajaran antara guru dan murid sukar untuk dicapai seperti yang telah dirancang. Hal ini dibuktikan apabila ketiga-tiga responden menyatakan setuju dan berpendapat bahawa penyoalan mampu membantu guru-guru menilai tahap kefahaman murid terhadap kandungan pembelajaran mereka, misalnya;

(R1): 'Kepentingan penyoalan kepada murid saya dapati kerana soalan berfikir ini dapat memantapkan pembelajaran kepada murid. Mereka dapat menguasai sesuatu topik lebih jelas ya kerana isu-isu yang dikemukakan mampu membuat mereka berfikir. Oleh itu, pada akhir pembelajaran mereka dapat memantapkan pembelajaran mereka tentang sesuatu topik.'

(R2): 'seorang guru ingin melihat PdNya berkesan, berjaya atau tidak salah satunya daripada penyoalan terhadap pelajar, tidak kiralah sama ada secara lisan atau bertulis yakni latihan bertulis. Penyoalan yang berkesan mampu meningkatkan tahap kefahaman murid dan murid sekali gus dapat memberi idea ataupun jawapan berkaitan PdP yang telah dilakukan dengan jelas dan baik.'

(R3): 'penyoalan penting untuk seseorang guru itu tahu sejauh mana pengetahuan dan kefahaman murid-murid mereka terhadap kandungan harian yang dipelajari pada hari tersebut.'

Selain itu, keperluan penyoalan juga mampu merangsang minat murid dalam PdP. Penyoalan yang berkesan sememangnya dapat membantu murid-murid dalam kelas terutamanya murid yang pendiam. Penyoalan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap keyakinan dalam diri murid di samping merangsang murid untuk berinteraksi bersama rakan-rakan. Penyoalan juga dapat menyuburkan sifat ingin tahu murid-murid tentang sesuatu PdP yang dijalankan. Murid sekali gus dapat mewujudkan sikap berdaya saing antara satu sama lain. Buktinya, Responden 1 menyatakan bahawa murid-muridnya gembira dan teruja apabila guru-guru memberikan soalan kepada mereka, murid akan berbincang secara aktif dalam kumpulan dan secara tidak langsung dapat menghidupkan proses PdP seorang guru.

(R1): 'maklum balas murid terhadap penyoalan itu sendiri mereka gembira dengan bagaimana guru mengemukakan penyoalan berfikir itu sendiri. Mereka banyak bertanya dan ingin tahu dengan apa yang disoalkan oleh guru itu. Jika diberi soalan mereka akan teruja untuk berbincang dalam kumpulan contoh seperti memberi soalan dalam bentuk peta i-think untuk mereka menjawab mereka sangat teruja. Maka ini satu bentuk PdP yang ceria bagi menghidupkan proses PdP.'

Di samping itu, menurut Responden 2 pula penyoalan ini dapat membantu murid mengeluarkan idea yang bernas. Hal ini dikatakan sedemikian kerana apabila guru kerap melatih murid dengan memberikan soalan-soalan yang kritis, secara tidak langsung dapat melatih murid untuk menggunakan keupayaan kognitif mereka secara optimum. Manakala, murid yang berani dan berkeyakinan tidak akan menghadapi sebarang masalah dan kesulitan apabila disoal oleh guru di hadapan kelas. Murid akan

dapat menjawab dengan baik dan sesi penyoalan antara guru dengan murid itu akan kelihatan sempurna. Buktinya;

(R2): *‘Jika murid diberikan peluang dikemukakan soalan aras tinggi atau berperingkat murid dapat mengeluarkan idea yang bernas dan murid yang kemahiran tinggi dia ada idea dia berani, dia tak ada masalah dengan sesi penyoalan itu sendiri.’*

Seterusnya, Responden 3 pula bersetuju dan berpendapat bahawa penyoalan ini akan berkesan sekiranya murid mempunyai minat yang mendalam terhadap sesi pembelajaran tersebut. Murid akan menggunakan keupayaan kognitifnya untuk memahami segala isi kandungan yang disampaikan oleh guru di dalam kelas. Malah, murid-murid seperti ini yang sering dijadikan sebagai mentor dan rujukan rakan-rakan di dalam kelas. Berdasarkan hasil temu bual, ketiga-tiga responden memberikan pendapat bahawa penyoalan ini dapat merangsang minat murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

(R3): *‘Yang pertama bergantung kepada minat, apabila pelajar ada minat dan keupayaan memahami kandungan kurikulum yang disampaikan penerimaan mereka sangat baik. Sebab bila dia dah faham dia ada minat jadi dia akan cuba merangsang diri dia untuk membuat penilaian terhadap kandungan penyoalan ataupun soalan yang diberikan kepada mereka.’*

Akhir sekali, keperluan pembinaan garis panduan penyoalan ini dapat membantu guru-guru Kesusasteraan Melayu bagi melancarkan PdP guru di dalam bilik darjah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana menurut kajian daripada Mohd Norazizi Samsudain & Mardian Shah Omar (2024) mengenai penyoalan, mereka ada menjelaskan bahawa “kemahiran asas menyoal yang baik dalam kalangan pendidik, iaitu dengan menguasai tahap kesukaran soalan yang dipercayai boleh menjadi kaedah terbaik untuk melaksanakan PdP. Ini akan membantu pelajar mencapai tahap keupayaan kognitif yang paling tinggi, yang termasuk menggunakan pengetahuan sedia ada dan membandingkan maklumat baharu untuk menyelesaikan masalah”.

Namun, hasil daripada temu bual bersama responden mendapati masih terdapat guru-guru yang menggunakan kaedah pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Chalk & Talk*. Kaedah secara tradisional ini kurang membantu untuk menguji tahap keupayaan murid dengan berkesan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana murid-murid masa kini lebih maju selangkah ke depan, proses pengajaran yang statik dan berfokus ini akan menimbulkan rasa kurang minat murid semakin bercambah. Misalnya, jawapan yang diterima daripada Responden 1 menyatakan bahawa masih ada guru yang mengguna pakai kaedah pembelajaran yang lama iaitu secara tradisional. Contohnya;

(R1): *‘...kerana mungkin ada kalangan guru yang menggunakan kaedah Chalk & Talk tiada menyampaikan maklumat-maklumat dan tidak ada soalan untuk menguji murid dan menyebabkan murid tak dapat berfikir dengan menggunakan kemahiran berfikir dengan baik,.....Ya, saya berfikir aspek penyoalan ini memerlukan garis panduan.’*

Terdapat beberapa kemungkinan jika guru-guru di sekolah masih menggunakan kaedah *Chalk & Talk* kepada murid, sama ada mereka kurang pengetahuan tentang soalan-soalan berfikir atau mereka tidak mempunyai ilmu tentang penyoalan iaitu soalan-soalan yang sesuai untuk diberikan kepada murid mereka. Oleh itu, pembelajaran secara tradisional ini akan mengurangkan penglibatan murid secara aktif di dalam sesuatu PdPc, murid juga akan cepat merasa bosan serta kurang minat terhadap sesuatu mata pelajaran yang membosankan. Tambahan pula, kaedah PdPc secara tradisional ini akan mengurangkan interaksi secara dua hala antara guru dan murid, hal ini secara tidak langsung memberikan impak yang negatif kepada PdP seorang guru. Murid juga akan kurang menggunakan keupayaan berfikir sekali gus melemahkan tahap penguasaan terhadap soalan-soalan berfikir mereka. Maka, garis panduan yang akan dibina ini bukan sahaja berfungsi untuk meningkatkan kemahiran penyoalan guru malah dapat membantu guru-guru untuk digunapakai di dalam kelas bagi merencanakan proses PdP mereka terutamanya bagi guru-guru baharu yang kurang mahir tentang penyoalan dalam PdPc.

Di samping itu, Responden 2 turut menjelaskan bahawa guru-guru Kesusasteraan Melayu tidak mempunyai panduan yang khusus terutamanya panduan dari segi aspek penyoalan berfikir. Oleh itu, Responden 2 dan 3 bersetuju jika garis panduan penyoalan ini dibangunkan secara tidak langsung dapat

membantu mereka sebagai panduan dalam membina item-item penyoalan untuk menguji murid di dalam kelas. Misalnya;

(R2): 'Guru A lain pemikirannya guru B lain pemikiran dan pendapatnya jadi kami tak ada panduan yang betul-betul khusus yang betul-betul dah ditetapkan. Jadi sebab itu kita tengok jawapan yang pelajar bagi tu bermacam-macam tak ada satu panduan yang betul-betul ini yang perlu diajarkan pada budak, yang dia bagi kat kami ini buku teks yang diberikan kepada pelajar dan guru kami perlu bedah karya sendiri. Jadi kami perlukan garis panduan la supaya kami tak sesat.'

(R3): 'Ya, perlu dan sangat membantu.'

Justeru, jelaslah bahawa aspek penyoalan ini amat penting. Hal ini dikatakan sedemikian kerana selain berupaya bagi membantu meningkatkan tahap kognitif murid, guru juga dapat menggunakannya untuk membina item-item soalan. Garis panduan ini juga dapat membantu guru-guru untuk menerapkan pemikiran kritis kepada murid-murid dalam bilik darjah.

B. Reka Bentuk Dan Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama

i) Langkah 1: Fahami kata kunci

Langkah yang pertama akan dimulakan dengan pemahaman terhadap setiap kata kunci yang terdapat dalam teori perlu difahami dengan jelas sebelum menggunakannya. Merujuk kepada kajian yang dijalankan, pengkaji memilih teori kognitif daripada Lori Anderson dan Krathwohl (2001).

Jadual 1: Kata Kunci

Istilah	Definisi
Mengingat	mencari, mengeluarkan dan mengingat semula pengetahuan yang relevan daripada ingatan lama. Kata Kunci: Kenal pasti, Senaraikan, Namakan, Ceritakan Hasil/Hasil: Menyenaraikan peristiwa penting, membuat jadual peristiwa, dan menulis senarai daripada maklumat yang boleh diingat.
Memahami	Menginterpretasi, mengklasifikasi, membuat ringkasan, membuat inferens, membandingkan dan menjelaskan maklumat lisan, tulisan dan grafik untuk menghasilkan makna. Kata Kunci: Buat penjelasan, berikan contoh, ringkaskan, lakar, dan terangkan. Hasil/Output: Menulis dan membuat persembahan berdasarkan satu cerita, menulis laporan ringkas, membuat carta alir, menceritakan peristiwa dengan ayat sendiri.
Mengaplikasi	Menggunakan teknik untuk melaksanakan atau melakukan sesuatu Kata Kunci: Menggunakan, Melaksanakan, Mengira, Hasil/Output: Buat puzzle game, kumpulkan gambar untuk menunjukkan, bina model untuk tunjukkan,
Menganalisis	Setelah membahagikan bahan kepada bahagian kecil, pertimbangkan dan susun atur bahagian-bahagian kecil untuk mengetahui bagaimana ia berkait antara satu sama lain dan dengan struktur atau fungsi yang sama. Kata Kunci: Bandingkan, Susun atur, Susun semula, Bagaimana.. Hasil/Output: Membuat drama tentang subjek yang dikaji, menulis biografi individu yang dikaji, dan menyediakan laporan.
	membuat keputusan berdasarkan piawaian dan standard melalui semakannya dan mengkritiknya.

bersambung

Menilai	Kata Kunci: Berikan kritikan, sokongan, dan hujah anda. Hasil: Berdebat, menulis buku peraturan dan yakinkan pembaca, tubuhkan kumpulan untuk berbincang pandangan.
Mencipta	Menggabungkan elemen untuk membentuk satu idea kolektif yang koheren atau berfungsi; menyusun elemen ke dalam bentuk atau struktur baru melalui proses pembuatan, perancangan dan penghasilan. Kata Kunci: Reka bentuk, bina, rancang, hasilkan, dll. Hasil/Output: Membangunkan mesin, membangunkan struktur, dan menghasilkan produk baru.

Berdasarkan jadual di atas, kata kunci amat penting dalam membangunkan sesuatu garis panduan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana melalui kata kunci guru dapat menjadikan panduan dan rujukan dalam pembinaan item penyoalan di dalam bilik darjah. Tambahan pula, guru itu sendiri perlu memahami setiap peringkat dalam taksonomi dan kata kunci bagi setiap peringkat kognitif agar mudah mengaplikasikan kaedah penyoalan kepada murid-murid.

ii) **Langkah 2:** Pemilihan Pembahagian KMK, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran

Jadual 2: Pembahagian Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK)

Pembahagian Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK)	
Apresiasi Sastera	Murid mesti mempunyai pemahaman tentang pengarang dan karya yang dihasilkan oleh pengarang, serta pemahaman tentang jenis, ciri dan fungsi sastera. Murid juga meneliti karya terpilih dengan teliti, membuat kritikan juga.
Pembangunan Insan	Pengalaman, penghayatan dan penyelidikan tentang karya yang dibaca membentuk dan memupuk pembangunan insan.
Pengkaryaan	Murid mesti terlibat dalam penciptaan karya, sama ada asli atau adaptasi. Untuk menyebarkan karya kreatif mereka, pelajar boleh menggunakan pelbagai bentuk media.

Berdasarkan jadual 2 di atas, pembahagian KMK amat penting bagi penetapan standard kandungan dan pembelajaran yang bersesuaian mengikut topik pengajaran. Hal ini demikian kerana pembahagian KMK dan standard kandungan saling berkait rapat dan perlu diteliti dengan lebih jelas agar objektif sesuatu PdPc tercapai dan berjalan dengan lancar. Tambahan pula, setiap item soalan yang bakal dibina akan mendasari kepada elemen yang terdapat dalam standard kandungan dan pembelajaran. Sebagai contoh, guru A ingin mengajarkan elemen watak dan perwatakan dalam drama kepada murid-muridnya di dalam kelas. Jadi, guru tersebut perlu mengenal pasti standard kandungan dan pembelajaran yang bersesuaian dengan topik yang ingin diajarkan iaitu watak dan perwatakan. Pemilihan standard kandungan dan pembelajaran perlulah diteliti dengan jelas agar objektif pembelajaran harian berlaku dengan lancar dan tercapai seperti yang dirancangkan. Hal ini boleh dijelaskan secara terperinci seperti gambar rajah di bawah.

Kenal pasti bahagian sama ada Apresiasi Sastera, Pembangunan Insan atau Pengkaryaan

Kenal pasti Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengikut topik Pembelajaran

Sediakan aktiviti yang sesuai mengikut Standard Pembelajaran yang dipilih

Rajah 1: *Carta Alir Proses Pemilihan Standard Kandungan dan Pembelajaran*

iii) **Langkah 3: Membina Jadual Penyoalan**

Langkah bagi reka bentuk yang seterusnya adalah membina jadual penyoalan. Bahagian ini akan menerangkan proses membina jadual penyoalan berdasarkan kepada buku Elemen KBAT Dalam Pedagogi (2014). Pengkaji telah menjadikan buku tersebut sebagai panduan dan rujukan sepanjang proses pembinaan jadual penyoalan. Pembinaan reka bentuk jadual penyoalan yang telah dirancang adalah seperti yang berikut;

A. APRESIASI SASTERA					
BIL	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CONTOH SOALAN MENINGAT	CONTOH SOALAN MEMAHAMI	CONTOH SOALAN MENGAPLIKASI
1.					
BIL	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CONTOH SOALAN MENGANALISIS	CONTOH SOALAN MENILAI	CONTOH SOALAN MENCIPTA
2.					

Jadual 3: *Contoh Rangka Jadual Penyoalan Bahagian Apresiasi Sastera*

B. PEMBANGUNAN INSAN					
BIL	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CONTOH SOALAN MENINGAT	CONTOH SOALAN MEMAHAMI	CONTOH SOALAN MENGAPLIKASI
1.					
BIL	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CONTOH SOALAN MENGANALISIS	CONTOH SOALAN MENILAI	CONTOH SOALAN MENCIPTA
2.					

Jadual 4: *Contoh Rangka Jadual Penyoalan Bahagian Pembangunan Insan*

C. PENGKARYAAN					
BIL	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CONTOH SOALAN MENINGAT	CONTOH SOALAN MEMAHAMI	CONTOH SOALAN MENGAPLIKASI
1.					
BIL	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CONTOH SOALAN MENGANALISIS	CONTOH SOALAN MENILAI	CONTOH SOALAN MENCIPTA
2.					

Jadual 5: Contoh Rangka Jadual Penyoalan Bahagian Pengkaryaan

Setiap kotak jadual yang dibangunkan mempunyai fungsi-fungsi tersendiri dengan merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK). Manakala, setiap soalan yang akan dibangunkan telah dikelompokkan kepada tiga bahagian mengikut bahagian dalam Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) iaitu bahagian apresiasi sastra, pembangunan insan dan pengkaryaan. Tambahan pula, soalan-soalan penyoalan akan dibina adalah berpandukan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran. Pengkaji akan membina soalan mengikut kepada aras soalan iaitu soalan dibina berdasarkan kepada peringkat kognitif teori Anderson seperti soalan peringkat mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Pembinaan soalan yang akan dibangunkan oleh pengkaji adalah merujuk kepada kata kunci teori Anderson pada Langkah 1.

iv) Langkah 4: Bina Soalan Mengikut Aras Kognitif Teori Anderson

Langkah 4 merupakan langkah yang terakhir dalam reka bentuk pembinaan garis panduan penyoalan ini. Pengkaji akan membina soalan merujuk kepada peringkat kognitif dalam teori Anderson iaitu bermula daripada peringkat bawah peringkat mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Pengkaji turut akan membina soalan-soalan berpandukan kepada kata kunci yang terkandung dalam teori Anderson yang telah dijelaskan dalam Langkah 1.

v) Langkah 5: Membina Garis Panduan Penyoalan dalam Drama Berasaskan Teori Anderson

Pada bahagian ini, pengkaji memulakan dengan membina halaman muka hadapan dan isi kandungan garis panduan penyoalan dalam drama bagi memudahkan pengguna atau guru Kesusasteraan Melayu merujuk dan menyemak halaman dengan mudah.



Rajah 2: Muka hadapan

KANDUNGAN	
PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN.....	2
KANDUNGAN.....	3
1.0 PENGENALAN.....	4
2.0 CARA PENGGUNAAN GARIS PANDUAN PENYOALAN DALAM PdPc.....	7
3.0 SENARAI KATA KERJA BAGI MELAKSANAKAN PENYOALAN DALAM BILIK DARJAH.....	8
4.0 PEMBAHAGIAN KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (KMK).....	10
5.0 TEKNIK PENYOALAN.....	11
6.0 PENUTUP.....	18
7.0 RUJUKAN.....	19

Rajah 3: Isi kandungan


Seterusnya, pengkaji turut memasukkan kata kunci atau kata kerja bagi memudahkan guru memilih berdasarkan tahap murid-murid mereka sendiri. Kata kunci ini melibatkan enam tahap kognitif iaitu, untuk penyoalan aras rendah dan penyoalan aras tinggi. Pengkaji turut memasukkan contoh-contoh soalan bagi setiap kata kunci dalam mengaplikasikan kaedah penyoalan bersama murid dalam bilik darjah. Oleh itu, guru-guru boleh mengikut panduan kata kerja yang telah disenaraikan jika guru-guru menghadapi kesulitan dalam menyediakan item-item soalan kepada murid. Kata kunci ini dapat membantu guru membina soalan dengan jelas dan mudah.

3.0 SENARAI KATA KERJA BAGI MELAKSANAKAN PENYOALAN DALAM BILIK DARJAH

Tahap pemikiran diterjemahkan melalui kata kerja yang sesuai seperti Jadual 3 di bawah. Senarai kata kerja ini dikategorikan mengikut tahap pemikiran yang berbeza. Walau bagaimanapun, satu kata kerja yang sama boleh dikategorikan pada tahap pemikiran yang berbeza berdasarkan konteks penentuan objektif pembelajaran.

ARAS BERFIKIR	TAKSONOMI KOGNITIF	KATA KERJA PROSES			SOALAN
HOTS 	MENCIPTA Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.	Menaik taraf Menggubah Merancang Menghasilkan Mereka bentuk Melakar	Membina Mencadangkan Menjana Merumuskan	Membangun Menyediakan Menyusun semula Menggabungkan Memasang	Bolehkah anda mereka bentuk..? Apa kata jika anda gunakan cara anda sendiri untuk..? Apa berlaku jika anda..? Bagaimana lagi boleh anda Lakukan untuk..?
	MENILAI Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.	Mempertimbangkan Memilih Membuat keputusan Memberi alasan Membahas Mentaksir	Membuat kesimpulan Mempertahankan Menyokong Mengesahkan Mencadangkan	Membuat justifikasi Menentukan Menentukan keutamaan Meramal	Apakah salah bagi setiap anggapan yang ada..? Yang manakah lebih baik/logik/sah/sesuai? Apa cadangan anda? Apakah kesan..ke atas..?
	MENGANALISIS Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.	Mencerakinkan Membezakan Memeriksa Membanding	Menilai Menguji Mengesan Menyiasat	Meramal Membuat inferens Mentafsir Mengkategorikan Memaparkan	Apa pendapat anda tentang..? Apakah andaian anda mengenai.. Kenyataan yang manakah lebih relevan dengan.. Apakah hubungan antara ... dengan..

Rajah 4: Senarai kata kerja

 LOTS	MENGAPLIKASI Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.	Menunjukkan Menyesuaikan Menggunakan Menggambarkan Membina	Melakar Melengkapkan Memeriksa Mengelaskan Melaknonkan	Meramal Menyediakan Menghasilkan Mengguna pakai Melaksana Menunjuk cara Melukis	Bolehkah anda berikan contoh lain bagi..? Adakah ini berlaku dalam..? Apakah faktor yang anda akan ubah jika? Bolehkah anda gunakan kaedah ini dalam..?
	MEMAHAMI Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend.	Menjelaskan Memberi contoh Meringkaskan	Menukar Meramalkan Mengelas Menerangkan Mengubah Menentukan	Menghubungkaitkan Mencirikan Membincangkan Menterjemah Memilih	Apakah yang dimaksudkan dengan? Faktor yang manakah..? Nyatakan dalam ayat anda tentang..? Berikan contoh.. Apakah yang anda faham dengan..? Ringkaskan.. Bolehkah anda jelaskan..?
	MENGETAHUI Mengingat kembali atau mengenal pasti maklumat yang spesifik.	Mengecam Mengulang Menyenaikan	Memilih Mengenal pasti Menamakan Memadankan Melakar	Menghubung Merekod Menyatakan Memberitahu	Apa? Siapa? Di mana? Yang mana satu? Bagaimana? Mengapa? Berapa? Bila? Apakah maksud? Benar atau salah?

Jadual 3. Senarai Kata Kerja

Rajah 5: Garis panduan yang telah siap dibina

Rajah di atas menjelaskan tentang garis panduan yang telah dibina. Pengkaji telah menghasilkan sebuah garis panduan yang akan memudahkan guru-guru Kesusasteraan Melayu dalam membina item soalan kepada murid. Berdasarkan kepada rajah 5,6 dan 7 di atas, garis panduan ini dibina berasaskan kepada teori kognitif Anderson. Pengkaji telah membina contoh-contoh soalan mengikut kepada setiap aras kognitif iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta bagi setiap bahagian iaitu bahagian A ialah apresiasi sastera, bahagian B adalah pembangunan insan dan bahagian C pula adalah pengkaryaan. Oleh itu, garis panduan penyoalan ini akan membantu guru dalam menyediakan soalan bagi PdPc guru-guru bersama murid di dalam kelas. Tambahan pula, jika guru-guru tersebut merupakan guru baharu dan tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam membina soalan. Pembinaan penyoalan ini juga adalah berdasarkan kepada standard kandungan dan pembelajaran untuk mata pelajaran Sastera Melayu.

C. Cara Penggunaan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama

2.0 CARA PENGGUNAAN GARIS PANDUAN PENYOALAN DALAM PdPc

Cara guru-guru mengaplikasikan garis panduan penyoalan KBAT dalam PdPc seperti berikut:

- Pertama sekali, guru perlu mengetahui bahagian mana yang akan disentuh dalam PdPc pada hari tersebut sama ada bahagian apresiasi sastera, pembangunan insan atau pengkaryaan.
- Selain itu, guru juga perlu melihat standard kandungan dan standard pembelajaran secara jelas dan terperinci agar guru dapat memilih standard pembelajaran serta dapat memberikan aktiviti yang tepat dan sesuai kepada murid sepanjang PdPc dijalankan.

Contoh guru memilih objektif pengajaran seperti di bawah;

BAHAGIAN	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
a. Apresiasi Sastera	1.2 Mengenali dan memahami elemen sastera	iv) Membincangkan watak dan perwatakan

- Seterusnya, setelah guru selesai menetapkan sasaran untuk PdPc seperti di atas, guru hanya perlu memfokuskan kepada standard pembelajaran iaitu perbincangan mengenai watak dan perwatakan. Maka, guru boleh mengajar elemen sastera dalam PdPc berkaitan watak dan perwatakan yang terdapat di dalam drama *Mat Piah & Mr. Blackway* kepada murid.
- Oleh itu, guru boleh merujuk teknik penyoalan berkaitan watak dan perwatakan pada halaman 11. Guru-guru boleh menggunakan mana-mana aras sama ada mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta kepada murid mengikut kepada tahap dan kemampuan murid masing-masing.

Rajah 7: Cara menggunakan garis panduan

Bahagian ini dinyatakan juga cara atau panduan penggunaan garis panduan penyoalan dalam PdPc. Panduan ini bagi memudahkan guru mengaplikasikan kaedah penyoalan seperti yang diterangkan dalam buku garis panduan penyoalan ini. Guru-guru boleh merujuk dan mengikuti langkah-langkah yang telah dijelaskan pada suptopik 2.0 dengan mudah.

KESIMPULAN

Pembinaan garis panduan penyoalan dalam drama berasaskan teori Anderson ini mempunyai kekangan utama adalah dari segi bilangan sampel yang terhad, iaitu hanya melibatkan tiga orang guru Kesusasteraan Melayu sebagai responden temu bual. Penggunaan saiz sampel yang kecil ini disebabkan oleh keterbatasan masa, sumber, dan ketersediaan responden yang memenuhi kriteria persampelan bertujuan. Namun begitu, garis panduan ini telah disusun rapi serta mempunyai tatacara yang disediakan bagi memudahkan guru-guru Kesusasteraan Melayu membina soalan berdasarkan aras murid-murid di dalam kelas. Guru-guru boleh mengaplikasikan aras rendah, sederhana dan tinggi mengikut keupayaan murid-murid. Garis panduan ini merupakan satu kaedah yang dijangka dapat melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas.

RUJUKAN

- Ahmad Syafiq Yusof, Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & Sakinah Ab. Rahim. (2022). *Tahap Penguasaan dan Hubungan antara Pengetahuan terhadap Kemahiran Pelaksanaan KBAT dengan Faktor Kesiediaan dan Sikap Guru dalam Mengimplementasikan KBAT ketika Sesi PdP sebagai Moderator: Satu Kajian di Daerah Johor Bahru*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 5(2):182-191.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Elemen KBAT dalam Pedagogi*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Noor Badriah Abu Bakar & Lilia Halim.(2023). *Penyoalan Lisan Guru dalam Pembelajaran Sains Berasaskan Inkuiri*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8(2), e002142. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2142>.
- Nor'Aida Khairuddin, Khalidah Ahmad, Mohd Zulfahmi Bahaudin, Halina Kasmani, NurBahiyah Abdul Wahab, Azlina Amir Hamzah dan Fatimah Hishamuddin. (2023). *Tahap Kompetensi Penyoalan KBAT Dalam Kalangan Guru-Guru Pelatih Opsyen STEM di Institut Pendidikan Guru*. Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru.
- Nor Sa'adah Jamaluddin. (2020). *Pengaruh Konsep Kendiri Akademik sebagai Moderator Terhadap Persekitaran dan Strategi Pembelajaran dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Murid Perakaunan*. Universiti Putra Malaysia.
- Nor Saadah Azahari & Nik Mohd Rahimi. (2022). *Pendekatan Pembelajaran Norma Baharu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norshima Azmi. (2021). *Penggunaan Aplikasi 'Simulasi Stail Berfikir dan Menyelesaikan Masalah' dalam kalangan Pelajar Program Pendidikan*. Universiti Utara Malaysia.
- Parimala A/P Krishnan. (2022). *Kesediaan dan Amalan Teknik Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Site Hadijah binti Harun. (2017). *Keberkesanan Peta Pemikiran Untuk Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Subjek Sains*. Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Syafiq Mah Hasan. (2019). *Meningkatkan Kemahiran Menyoal Dalam Pengajaran*. Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Wilén, W. W. (1991). *Questioning Skills For Teachers (3rd ed.)*. National Education Association, Washington.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). *Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran guru Bahasa Melayu: kaedah pemerhatian*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1(Mei 2021), 51-65.